

Lakuan Bahasa Arahan dalam Teks Ucapan Perdana Menteri berkaitan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)

Command Language Behaviour in the Speech Texts by the Prime Minister on the Movement Control Order (MCO)

Aminnudin Saimon
deanamin@iium.edu.my

Lisa Licson
lisa.licson4@gmail.com

Nur Aisyah Mohamad Taufek
aisyahtaufek23@gmail.com

Siti Hajar Japar
mrnobody487@gmail.com

Siti Nor Asmira Razali
asmira5926@gmail.com

Kulliyah of Languages and Management, International Islamic University Malaysia
Pagoh, Johor, MALAYSIA

Received: 10 January 2021; **Accepted:** 30 March 2021; **Published:** 31 May 2021

To cite this article (APA): Saimon, A., Licson, L., Mohamad Taufek, N. A., Japar, S. H., & Razali, S. N. A. (2021). Lakuan Bahasa Arahan dalam Teks Ucapan Perdana Menteri berkaitan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 12(1), 63-78. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol12.1.5.2021>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol12.1.5.2021>

ABSTRAK

Teks ucapan merupakan wahana yang menggabungkan penyampaian ideologi dan pemikiran melalui penggunaan bahasa supaya dapat difahami oleh pendengar. Kejayaan menyampaikan sesuatu ucapan bergantung pada penggunaan lakuan bahasa yang meyakinkan pendengar. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan untuk menganalisis penggunaan lakuan bahasa sebagai satu strategi penghujahan yang berkesan dan lakuan bahasa hanya ditumpukan kepada lakuan bahasa arahan (LBA). Objektif kajian ini adalah menganalisis lakuan bahasa arahan yang terdapat dalam teks ucapan Perdana Menteri. Data utama kajian merupakan teks ucapan YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd Yassin berkaitan PKP. Sebanyak empat teks ucapan diambil, iaitu pada fasa PKP pertama, kedua, ketiga dan keempat. Kaedah kualitatif digunakan untuk menganalisis penggunaan aspek lakuan bahasa arahan dengan bersandarkan kerangka teori Bach dan Harnish (1979). Secara keseluruhan, dapatan menunjukkan kategori lakuan bahasa arahan yang dinyatakan oleh Bach & Harnish (1979), iaitu permintaan, keperluan, pertanyaan, larangan, nasihat dan permisif diaplikasikan oleh penutur. Hasil dapatan mendapati ujaran paling banyak ialah LBA Keperluan, iaitu sebanyak 21 kali. Hal ini selari dengan intipati ucapan yang sememangnya berkisar tentang keperluan menurut perintah. Kemudian diikuti pula oleh LBA nasihat 15 kali, LBA permintaan (10), LBA larangan (7) dan bagi LBA pertanyaan dan permisif masing-masing hanya satu. Secara keseluruhannya, sebanyak 55 lakuan bahasa arahan yang terdapat dalam teks ucapan YAB PM berkaitan PKP untuk fasa pertama, kedua, ketiga dan keempat. Dapatan kajian mendapati ucapan PM mengandungi lakuan bahasa arahan yang menunjukkan kekuasaan yang ada pada dirinya untuk menuntut dan mengubah pendengar sejajar dengan niat komunikatifnya. Setiap ucapan yang dikenal pasti menunjukkan satu bentuk arahan yang menuntut pendengar untuk melakukan tindakan seperti niat komunikatifnya.

Kata kunci: Lakuan bahasa arahan, Bach & Harnish (1979), teks ucapan, Perdana Menteri (PM), Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)

ABSTRACT

Speech text is a discourse that combines the delivery of thought and ideologies through the use of language so that it can be understood by listeners. The success of a speech depends on the use of language that convinces listeners. Accordingly, this study presented an analysis of the use of language behavior as an effective argumentation strategy and it was only focused on command language behavior (LBA). The objective of this study was to analyze the behavior of the command language in speech texts. The main data of the study was the speech texts by YAB Tan Sri Dato 'Haji Muhyiddin bin Haji Mohd Yassin related to MCO. A total of four speech texts were taken, namely in the first, second, third and fourth MCO phases. Qualitative methods are used to analyze the aspects of using the command language behavior based on the theoretical framework of Bach and Harnish (1979). Overall, the findings revealed all categories of command (directive) language behavior, i.e. requests, needs, queries, prohibitions, advice and determinants were applied by the speaker. The findings also identified the most common utterance used was LBA Requirement that existed 21 times in the speech texts. This is in line with the essence of speech that actually revolves around commands. Then followed by the Advice LBA (15), the Request LBA (10), the Prohibition LBA (7) and for the Inquiry and Permissive LBA (only once respectively). In total, 55 command language actions found in the speech texts by YAB PM related to MCO for the first, second, third and fourth phases. The findings of the study revealed that the PM's speech contained command language that indicated the power he had to demand and change the listeners in line with his communicative intentions. Each speech identified indicated a form of command that requires the listeners to perform actions according to his communicative intentions.

Keywords: *command speech behaviour, Bach and Harnish (1979), speech texts, Prime Minister (PM), Movement Control Order (MCO)*

PENDAHULUAN

Lakuan bahasa merupakan tindakan-tindakan dalam komunikasi. Setiap ayat yang dituturkan mengandungi tindakan, antaranya berjanji, permintaan, pertanyaan, permisif dan keperluan. Hal ini demikian kerana apabila seseorang melakukan pertuturan sebenarnya dia telah melakukan sesuatu bentuk tindakan (Searle, 1969). Lakuan bahasa sentiasa berlaku dalam komunikasi seharian dalam bentuk atau medium komunikasi. Lakuan bahasa membicarakan tentang kata yang bermakna dan memberikan implikasi bahawa penutur yang menggunakan kata kerja tersebut dalam pertuturannya telah melakukan tingkah laku yang terdiri daripada pelbagai jenis. Kata kerja yang tergolong dalam kategori ini dinamakan kata kerja performatif, antaranya minta, mohon, arah, perintah (Searle, 1969, Bach & Harnish, 1979). Daripada lakuan bahasa ini, banyak teks ucapan, pertuturan seseorang mengandungi pelbagai bentuk maklumat yang hendak disampaikan. Daripada penggunaan lakuan bahasa ini juga arahan atau perintah daripada satu organisasi atau pemerintah dapat mengubah dan menuntut pendengar melakukan tindakan seperti yang dihajatkan penutur.

Menurut Kementerian Kesihatan Malaysia, wabak Coronavirus terbaru telah ditemui di China, iaitu Novel Coronavirus 2019 (COVID-19). Pandemik COVID-19 ini memberikan kesan yang buruk terhadap kesihatan, pendidikan, ekonomi, kewangan dan lain-lain sehingga mengakibatkan beberapa negara termasuk Malaysia mengambil langkah untuk menjalankan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP). Dalam hal ini, kerajaan pusat melalui kepimpinan Perdana Menteri memainkan peranan yang penting dalam memberi arahan kepada rakyat berkaitan isu COVID-19.

Perdana Menteri Malaysia (seterusnya PM) iaitu Yang Amat Berhormat (YAB) Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Haji Mohd Yassin telah memberikan perutusan khas berbentuk ucapan berikutan Perintah Kawalan Pergerakan (seterusnya PKP). Meninjau gaya ucapan PM sewaktu menyampaikan perutusan khas, didapati dalam ucapan tersebut banyak menggunakan bahasa arahan untuk menyampaikan kandungan perutusan khas tersebut. Hal ini dikatakan demikian kerana penggunaan lakuan bahasa arahan (seterusnya LBA) penting dalam memberikan perintah kerana dengan penggunaan LBA tertentu dapat menjimatkan masa dengan meminimumkan tempoh ucapan, namun mempunyai isi yang padat (Aminuddin Saimon, 2019). Penggunaan ayat yang panjang tanpa lakuan bahasa yang tertentu akan menyukarkan pemahaman pendengar terutama rakyat (Bach & Harnish,

1979). Oleh itu, kajian ini dilaksanakan untuk mengkaji LBA dalam teks ucapan PM berkaitan dengan PKP. LBA yang digunakan ini secara tidak langsung dapat mengubah tingkah laku, pemikiran dan emosi pendengar untuk mematuhi segala arahan yang diberikan. Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan untuk melihat kepada penggunaan atau variasi LBA yang dituturkan oleh PM dalam ucapannya semasa sidang media berkaitan PKP. Bentuk LBA yang digunakan inilah yang akan menentukan keberkesanan arahan yang diujarkan (Hanna & Richards, 2019).

Penyataan masalah

Penggunaan lakuan bahasa yang digunakan dilihat sebagai satu bentuk komunikasi yang berpengaruh. Penerapan lakuan bahasa dalam teks ucapan dilihat cukup berkepentingan, terutamanya sebagai penyampai maklumat, pendidikan dan pemaparan budaya masyarakat. Namun begitu, kerencaman bahasa dalam teks ucapan dilihat begitu sukar untuk dikenal pasti dan dikategorikan mengikut peranannya dalam menyampaikan maklumat dan tujuan komunikasi dan seterusnya akan mengakibatkan pendengar tidak memahami maklumat yang disampaikan. Hal ini demikian kerana mesej yang terkandung dalam lakuan bahasa sukar diperoleh sekiranya pendengar tidak memahami hajat komunikatif penutur. Bertitik tolak daripada masalah tersebut, timbul masalah untuk memahami hajat komunikatif penutur berdasarkan kerencaman bahasa yang terdapat dalam teks ucapan. Hal ini bertepatan dengan kajian yang dijalankan oleh Zanariah Ibrahim, Maslida Yusof dan Karim Harun (2017) yang memperlihatkan lakuan bahasa direktif guru pelatih dalam komunikasi di bilik darjah yang dilihat mempunyai 'kuasa' dalam menuntut pendengar melakukan sesuatu. Daripada kajian ini, sesuatu komunikasi tergendala sekiranya hajat komunikasi penutur tidak difahami oleh pendengar yang menyebabkan penyampaian maklumat, pernyataan dan sebagainya gagal.

Lakuan bahasa tidak hanya bergantung pada ayat, kata kerja performatif, pemilihan dan kejelasan ayat, namun keberkesanan lakuan bahasa juga bergantung pada pemilihan istilah, ayat yang tepat, mudah difahami dan jelas. Pemilihan istilah yang tepat dalam lakuan bahasa lebih mudah untuk difahami makna sebenar hajat komunikatif penutur kerana istilah yang tepat akan membuatkan sesuatu perkara relevan kepada pendengar. Istilah yang terhasil dalam pandemik COVID-19 ini memberikan pelbagai tanggapan dan ketidakfahaman dalam kalangan masyarakat. Bertitik tolak daripada isu ini, timbullah masalah untuk memahami istilah, leksikal dan ayat dalam teks ucapan. Hal ini sejajar dengan kenyataan Cerny (2007) yang mengatakan bahawa pemilihan leksikal, ayat pendek dan pemilihan istilah dalam sesuatu lakuan bahasa lebih cenderung menjadi jelas dan lebih mudah difahami berbanding dengan ayat yang panjang dan kompleks. . Penggunaan bahasa yang betul dan tepat adalah penting dalam teks ucapan agar keberkesanan mesej dan maklumat dapat disampaikan dan seterusnya dapat memberi kefahaman kepada khalayak.

OBJEKTIF KAJIAN

Dalam kajian ini, terdapat dua objektif yang utama, iaitu:

1. Mengenal pasti LBA dalam teks ucapan Perdana Menteri berkaitan PKP
2. Menganalisis LBA menggunakan teori lakuan bahasa pengkategorian Bach & Harnish (1979).

Sorotan Kajian

Kajian yang dijalankan oleh Renugah Ramanathan, Shamala Paramasivam dan Tan Bee Hoon (2020) yang bertajuk *'Discursive Strategies and Speech Acts in Political Discourse of Najib and Modi'* menunjukkan bahawa kuasa diskursif dan lakuan bahasa pemimpin memainkan peranan penting dalam meyakinkan rakyat. Kajian ini mengkaji wacana twitter dua perdana menteri politik di Asia, iaitu mantan Perdana Menteri Malaysia, Najib Tun Razak dan Perdana Menteri Narendra Modi dalam aspek strategi diskursif dan lakuan pertuturan semasa kempen pilihan raya. Wacana Najib dan Modi dipilih kerana penyertaan aktif mereka di Twitter sepanjang kempen pilihan raya berlangsung. Data dikumpulkan lebih daripada 3 bulan sepanjang pilihan raya nasional kedua-dua negara, iaitu dari bulan

Februari hingga April 2013 di Malaysia dan Januari hingga Mac 2014 di India. Kajian kualitatif ini menggunakan strategi diskursif Wodak's untuk menganalisis pilihan leksikal yang digunakan dalam tweet pilihan raya dan taksonomi Searle untuk menganalisis lakuan pertuturan yang digunakan. Kehadiran dua lakuan pertuturan utama yang diketengahkan semasa pilihan raya, iaitu komisif dan arahan. Kedua-dua pertuturan ini berkolaborasi di bawah strategi prediksi dan perspektif yang memberi kuasa kepada Najib dan Modi untuk menjalin hubungan yang kuat dengan rakyat di samping mewujudkan rasa integriti dan kesatuan. Kajian ini penting kerana memberi kesedaran politik dan bahasa kepada rakyat dengan menunjukkan kaedah yang digunakan tokoh politik dalam mewujudkan kuasa melalui persetujuan bersama dengan rakyat melalui medium media sosial 'Twitter'. Selanjutnya, kajian ini menyedarkan masyarakat tentang keberkesanan alat 140 watak dapat mempengaruhi keputusan politik sesebuah komuniti.

Kajian yang dijalankan oleh Aminnudin Saimon (2019) yang bertajuk 'Lakuan Bahasa dalam Filem Melayu Terpilih' mengemukakan tiga objektif yang utama, iaitu mengenal pasti aspek lakuan bahasa dalam filem Melayu terpilih, menganalisis aspek lakuan bahasa menggunakan teori lakuan bahasa Searle (1969) dan merumus aspek lakuan bahasa dalam memancarkan akal budi bangsa Melayu dalam filem Melayu terpilih. Pengkaji menggunakan empat buah filem klasik sebagai korpus dalam mendapatkan data. Filem-filem tersebut ialah Semerah Padi (1956), filem Hang Jebat (1961), filem Seri Mersing (1961) dan filem Lancang Kuning (1962). Metodologi kajian pula adalah menggunakan kaedah analisis kandungan dengan meneliti setiap ujaran dan seterusnya mengkategorikannya mengikut teori lakuan bahasa Searle (1969). Hasil dapatan menunjukkan terdapat sebanyak 1391 lakuan bahasa yang digunakan dalam keempat-empat buah filem dengan nilai sebanyak 370 lakuan bahasa daripada FLK, 277 lakuan bahasa daripada FHJ, 496 lakuan bahasa daripada FSM dan 248 lakuan bahasa daripada FSP. Manakala, daripada jumlah itu lakuan bahasa asertif merupakan lakuan bahasa paling dominan, iaitu sebanyak 671 kekerapan, diikuti lakuan bahasa direktif sebanyak 442 dan lakuan bahasa ekspresif sebanyak 176. Lakuan bahasa yang paling kurang kekerapannya ialah lakuan bahasa komisif dan deklaratif, iaitu masing-masing sebanyak 96 dan 6 kekerapan sahaja. Kajian sarjana ini turut mencapai objektif kedua apabila data menunjukkan bahawa lakuan bahasa dapat memberikan input dalam komunikasi. Data turut memenuhi objektif terakhir dengan menyatakan bahawa akal budi seseorang itu dapat dilihat dan terpancar melalui ujaran yang diujarkan dan aspek lakuan bahasa yang digunakan.

Kajian yang dijalankan oleh Nurul Syuhada Shuib dan Maslida Yusof (2019), iaitu 'Lakuan Bahasa dalam Ceramah Agama' pula mengaplikasikan Teori Lakuan Bahasa oleh Searle (1969) dalam mengkategorikan jenis lakuan bahasa tersebut. Searle (1969) telah mencadangkan bahawa lakuan bahasa mengandungi lima klasifikasi umum, iaitu asertif, ekspresif, direktif, komisif dan deklaratif. Kajian ini berlandaskan kepada tiga objektif yang utama, iaitu mengenal pasti jenis lakuan bahasa dalam ceramah agama, menganalisis pola lakuan bahasa yang paling kerap dan paling kurang digunakan oleh penceramah dalam ceramah agama dan membincangkan fungsi lakuan bahasa dalam ceramah agama. Reka bentuk kajian ini adalah kualitatif dan kuantitatif dengan menggunakan sampel kajian ceramah agama yang disampaikan oleh Ustazah Siti Nor Bahyah Mahmood dan Ustaz Azhar Idrus. Berdasarkan analisis dapatan, terdapat empat jenis lakuan bahasa digunakan oleh penceramah, iaitu lakuan bahasa asertif, direktif, ekspresif dan komisif. Bagi objektif kedua, lakuan bahasa yang paling kerap digunakan oleh penceramah ialah lakuan bahasa asertif, iaitu sebanyak 69.68%. Seterusnya lakuan bahasa direktif sebanyak 23.87%, diikuti oleh lakuan bahasa ekspresif 5.59% dan lakuan bahasa komisif sebanyak 0.86%. Selain itu, kajian ini turut memenuhi objektif ketiga dengan menjelaskan lakuan bahasa asertif berfungsi untuk menyatakan, mengandaikan, menyampaikan maklumat, menunjukkan dan menyebut sesuatu maklumat. Manakala lakuan bahasa direktif pula digunakan untuk tujuan nasihat dan ucap selamat, pengajuan soalan dan perintah. Selanjutnya, lakuan bahasa ekspresif berfungsi untuk mengekspresikan perasaan penghargaan, maaf, gembira dan sedih. Akhir sekali, lakuan bahasa komisif berfungsi untuk menyatakan janji. Secara keseluruhan, kajian ini merakamkan bahawa lakuan bahasa adalah sebahagian daripada laras ceramah agama bagi keberkesanan dalam penyampaian ceramah.

Kajian yang dijalankan oleh Abd. Ganing Laenggang, Ab Razak Ab Karim dan Riduan Makhtar (2019) bertajuk 'Lakuan Bahasa Kritikan dalam Forum Wacana Sinar Harian' mendapati bahawa konsep ilokusi yang diperkenalkan oleh Austin (1962) menambah satu kategori lakuan bahasa yang baharu, iaitu lakuan bahasa kritikan. Kategori lakuan ini dipecahkan kepada lima

kategori lakuan, iaitu lakuan kritikan langsung, lakuan kritikan umum, lakuan bidasan langsung, lakuan penafian, dan lakuan persoalan retorik. Kajian ini menganalisis lakuan bahasa kritikan dalam forum Siri Wacana Sinar Harian yang dianjurkan oleh Karangkrif Sdn Bhd. Sebanyak tiga rakaman forum dipilih sebagai bahan kajian. Kerangka teoretis yang digunakan bermula dengan konsep ilokusi yang diperkenalkan oleh Austin 1962. Kajian mendapati bahawa jumlah kekerapan penggunaan lakuan bahasa adalah sebanyak 656 kali. Lakuan kritikan langsung mencatatkan jumlah tertinggi, iaitu sebanyak 223 kali, dan tempat kedua ialah lakuan kritikan umum dengan jumlah kekerapan sebanyak 222 kali. Lakuan persoalan retorik berada di tempat ketiga dengan jumlah kekerapan sebanyak 126. Lakuan penafian pula mencatatkan kekerapan sebanyak 50 kali, kemudian diikuti oleh lakuan bidasan langsung dengan kekerapan 35 kali. Secara keseluruhannya, kajian ini menyimpulkan ahli forum dalam Wacana Sinar Harian melakukan dua lakuan kritikan yang dominan, iaitu lakuan kritikan langsung dan kritikan umum. Dari sudut kesantunan, kajian ini menyimpulkan bahawa kritikan langsung dan kritikan umum masih dalam kerangka Islam kerana tidak ada kata-kata kesat dan kata-kata penghinaan terhadap seseorang. Berdasarkan kajian yang dijalankan ini jelas menunjukkan satu dapatan yang menarik, iaitu kritikan yang diujarkan adalah secara jelas dan terus terang walaupun secara tidak sedar mengancam muka pendengar.

Hanna dan Richards (2019) menjalankan kajian yang bertajuk 'Speech Act Theory as an Evaluation Tool for Human-Agent Communication' mendapati bahawa teori lakuan bahasa ini merupakan elemen penting dalam menjadi agen komunikasi dalam perbualan. Tambah beliau lagi, komunikasi yang efektif dalam situasi berorientasikan tugas (*task-oriented situations*) memerlukan interaksi peringkat tinggi. Untuk kolaborasi manusia-agen, tugas hendaklah dikoordinasi dengan jelas untuk menjamin kesatuan pemahaman saling memahami. Kajian yang dijalankan ini menggunakan Teori Lakuan Bahasa Austin (1962) yang mengandungi tiga komponen, iaitu lokusyineri, ilokusyineri dan perlokusyineri. Teori lakuan bahasa ini adalah untuk melihat ujaran yang digunakan dapat mencapai tindak balas pendengar. Kajian ini bertujuan untuk menilai aspek agen komunikasi verbal semasa berkolaborasi dengan manusia. Teori lakuan bahasa Austin (1962) diaplikasikan dalam kajian ini untuk menganalisis struktur agen lakuan bahasa (lokusyineri), niat agen disebalik lakuan bahasa (ilokusyineri) dan kesan terhadap minda manusia (perlokusyineri). Kajian ini juga melihat kepada kesan persepsi manusia terhadap agen lakuan bahasa semasa berkolaboratif.

Abdulkarim Fadhil (2018) telah menjalankan kajian 'A Pragmatic Study of Speech Acts in School Speeches'. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis lima jenis tindakan pertuturan, iaitu asertif, direktif, komisif, deklaratif dan ekspresif secara pragmatik dalam teks ucapan pengetua sempena hari graduasi Sekolah Menengah Weston dan mengenal pasti jenis tindakan pertuturan yang paling banyak digunakan dalam teks ucapan tersebut. Dengan menggunakan model Searle (1969), hasil dapatan kajian menunjukkan jenis pertuturan yang paling banyak digunakan ialah lakuan pertuturan direktif. Asertif dan deklaratif selalu dinyatakan melalui ayat deklaratif. Kesimpulannya, pengetua sekolah menggunakan kelima-lima jenis tindakan pertuturan dalam ucapan hari graduasi tersebut.

Abd Ganing Laengkang (2018) menjalankan kajian yang bertajuk 'Analisis Lakuan Bahasa Terhadap Teks Khutbah Jumaat Negeri Selangor'. Objektif dalam kajian ini adalah untuk mengenal pasti lakuan bahasa yang wujud dalam enam siri teks khutbah Jumaat negeri Selangor dan menganalisis teks khutbah Jumaat negeri Selangor. Objektif tersebut telah menggunakan kerangka teori Bach dan Harnish (1979). Sebanyak enam teks khutbah Jumaat terbitan Jabatan Agama Islam Negeri Selangor (JAIS) yang dibacakan pada tahun 2018 dipilih untuk dianalisis. Pemilihan teks pula dibataskan kepada dua teks pada bulan Februari, dua teks pada bulan Mac dan dua teks pada bulan April. Analisis kajian pula tertumpu pada teks atau isi kandungan berbahasa Melayu sahaja dan tidak meneliti petikan al-Quran dan hadis serta terjemahannya. Berdasarkan analisis, kajian ini mendapati tiga kategori lakuan, iaitu pengumuman, arahan serta pengakuan dan 13 subkategori lakuan. Kajian ini turut melihat kekerapan lakuan bahasa, iaitu sebanyak 341 kali secara keseluruhannya. Antara lakuan bahasa yang paling kerap ialah lakuan bahasa nasihat (83), lakuan deskriptif (61), lakuan makluman (42) dan lakuan penegasan (41). Kekerapan lakuan bahasa yang lain hanya antara 3 hingga 19 yang dianggap tidak dominan. Kesimpulannya kajian ini menunjukkan bahawa khutbah Jumaat bersifat nasihat dan deskriptif. Walau bagaimanapun, pengkaji mencadangkan agar lakuan persoalan retorik perlu diperbanyak agar dapat meningkatkan daya interaksi antara khatib dengan jemaah. Hal ini

penting selain memberi nasihat, khutbah Jummat juga perlu mengajak jemaah berfikir melalui persoalan retorik yang dibangkitkan oleh khatib.

Dylgjeri (2017) telah menjalankan satu kajian yang bertajuk '*Analysis of Speech Acts in Political Speeches*' mendapati bahawa wacana pengucapan ahli politik merupakan satu aktiviti kompleks yang menuntut pengkajian yang kritis disebabkan oleh ahli politik sebagai pusat organisasi dan pengurusan masyarakat. Dalam kajian ini, beliau menyatakan dua objektif yang utama, iaitu menjelaskan teori Austin (1962) dan Searle (1969) dan menganalisis ucapan kemenangan Edi Rama pada pilihan raya Albania berdasarkan lakuan bahasa dan kategorinya. Dapatan menunjukkan bahawa ucapan Edi Rama banyak menggunakan lakuan bahasa komisif yang dapat memenuhi hati dan fikiran rakyat dengan harapan yang besar dan janji untuk masa depan yang lebih cerah. Dapatan juga menunjukkan Edi Rama menunjukkan semangat, bersikap jujur, menjanjikan dan mendorong orang untuk bekerja lebih keras untuk memenuhi sepenuhnya projek pemilihannya. Kesannya, peratusan terbesar tindakan ilokusi yang dilakukan adalah tindakan berkompromi, kemudian tindakan lakuan asertif dan ekspresif.

Zanariah Ibrahim, Maslida Yusof dan Karim Harun (2017) pula menjalankan kajian yang bertajuk '*Analisis Lakuan Bahasa Direktif Guru Pelatih dalam Komunikasi di Bilik Darjah*'. Kajian ini bertujuan untuk meneliti bentuk lakuan bahasa direktif guru pelatih Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) dalam komunikasi di bilik darjah sewaktu mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu. Kajian ini berbentuk kualitatif dengan menggunakan teknik rakaman yang melibatkan tiga orang guru pelatih tahun akhir IPGM sebagai responden kajian. Tiga orang guru pelatih tersebut merupakan guru daripada IPG kampus Pendidikan Islam Bangi Selangor dan IPG kampus Ilmu Khas, Cheras di Kuala Lumpur yang menjalani latihan mengajar di Sekolah Kebangsaan Sungai Lui, Hulu Langat, Selangor dan Sekolah Kebangsaan Tuanku Jaafar Seremban, Negeri Sembilan. Dalam melaksanakan kajian ini, pengkaji telah menggunakan teori lakuan bahasa Bach dan Harnish (1979) dan hanya membataskan kepada lakuan bahasa arahan. Dapatan daripada kajian ini telah menunjukkan ujaran arahan responden terdiri daripada subkategori lakuan bahasa arahan, iaitu permintaan, pertanyaan, keperluan, larangan, permisif dan nasihat. Kajian ini juga mendapati, dalam subkategori lakuan bahasa arahan, ujaran arahan berbentuk keperluan yang terdiri daripada ayat suruhan paling kerap diujarkan oleh guru pelatih. Hal ini kerana lakuan berbentuk keperluan dapat menyerlahkan kewibawaan dan ketegasan si penutur kepada pihak pendengar. Kesimpulannya, kajian menunjukkan bahawa guru pelatih IPGM mempunyai kecekapan pragmatik dalam komunikasi di bilik darjah terutama sewaktu memberikan arahan kepada murid.


METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini adalah kajian penyelidikan yang berbentuk kualitatif. Kajian yang dilakukan ini memberi sepenuh perhatian kepada lakuan bahasa arahan yang terdapat dalam bahan kajian yang dipilih, iaitu transkripsi teks ucapan oleh PM berkaitan PKP. Oleh itu, pemerhatian diberikan sepenuhnya kepada transkripsi teks dan juga analisis kandungan teks ucapan tersebut. Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan kaedah persampelan bertujuan untuk mengumpul teks ucapan. Dengan kaedah ini, penyelidik dapat mengklasifikasikan maklumat tertentu yang perlu ada pada sampel atau bahan kajian yang akan digunakan. Sampel kajian ini merupakan teks ucapan PM berkaitan PKP yang terdiri daripada 4 fasa PKP sahaja. Hanya empat teks ucapan yang diambil, iaitu fasa pertama yang diterbitkan pada 16 Mac 2020, fasa ke-2 pada 25 Mac 2020, fasa ke-3 bertarikh 10 April 2020 dan fasa ke-4 bertarikh 23 April 2020. Dalam kajian ini, data-data yang diperolehi daripada analisis kandungan teks ucapan PM adalah berkaitan dengan lakuan bahasa arahan. Pengkaji akan mengelaskan bentuk-bentuk lakuan bahasa arahan mengikut subkategori yang telah dikenal pasti dalam teks ucapan tersebut menggunakan Teori lakuan bahasa Bach & Harnish (1979). Oleh itu, data yang diperolehi akan diklasifikasi berdasarkan lakuan bahasa arahan dan seterusnya akan dianalisis menggunakan Teori Lakuan Bahasa oleh Bach dan Harnish (1979). Setiap kategori lakuan bahasa arahan yang dikemukakan oleh Bach dan Harnish (1979) mempunyai subkategori. Terdapat enam subkategori yang dikemukakan dalam lakuan bahasa arahan iaitu permintaan, pertanyaan, keperluan, larangan, permisif dan nasihat. Data yang diperolehi akan dikelaskan mengikut subkategori lakuan bahasa arahan tersebut.

Kemudian, data-data yang diperoleh akan disusun dalam jadual bagi tujuan kekemasan dan kejelasan hasil dapatan.

Kerangka Teori

Dalam konteks kajian ini, pengkaji menggunakan teori daripada kerangka lakuan bahasa Bach dan Harnish (1979). Pengkategorian Bach & Harnish (1979) dilihat mempunyai kelebihan daripada kategori dan pengkelasan kategori (Van Peurseem, Locke, dan Harnish, 2001). Bach & Harnish (1979) telah mengemukakan empat kategori lakuan bahasa, iaitu arahan, pengakuan, pengumuman dan perjanjian. Setiap lakuan yang diperincikan mempunyai subkategori seperti rajah 1.



Rajah 1. Pengkategorian Lakuan Bahasa Bach & Harnish 1979

Kerangka yang dikemukakan oleh Bach & Harnish (1979) lebih terperinci berdasarkan penambahan beberapa subkategori dalam setiap lakuan bahasa. Penambahan ini dilihat sebagai kesesuaian teori ini dalam menganalisis pelbagai bahasa. Subkategori yang diberikan tidaklah harus dipatuhi, tetapi subkategori tersebut boleh disesuaikan dengan bahasa dan budaya sesuatu masyarakat. Perincian lakuan bahasa yang dijalankan ini mengambil kira pandangan tiga tokoh utama dalam teori lakuan bahasa, iaitu Austin (1962), Searle (1969), dan Bach & Harnish (1979). Setiap daripada tokoh tersebut mendapati setiap kerangka yang diketengahkan mempunyai keistimewaan dan kelebihannya yang tersendiri. Ketiga-tiga teori tetap merujuk kepada satu matlamat, iaitu untuk mendapatkan hasil dan dapatan yang lengkap dan bersesuaian dengan budaya dan bahasa sesuatu masyarakat. Oleh yang demikian, teori yang dipilih akan disesuaikan dengan kata kerja, adab, budaya dan bahasa Melayu, terutamanya dalam teks ucapan.

Dapatan Kajian dan Perbincangan

Menurut Bach dan Harnish (1979), Lakuan Bahasa Arahan (LBA) merupakan ekspresi sikap penutur terhadap tindakan yang akan dilakukan oleh pendengar. Pendengar melaksanakan niat yang dihajatkan oleh penutur atas dasar kepercayaan pendengar terhadap perkara yang diujarkan oleh penutur sehingga tindakan itu menjadi konstatif. Bach dan Harnish (1979) telah mengemukakan empat kategori lakuan bahasa, iaitu pengumuman, arahan, perjanjian, dan juga pengakuan. Kesemua lakuan bahasa ini mempunyai subkategori tertentu dan untuk lakuan bahasa arahan terdiri daripada subkategori keperluan, permintaan, pertanyaan, larangan, nasihat dan permisif.

Objektif 1. Lakuan Bahasa Arahan dalam Teks Ucapan PM

Dalam objektif pertama ini, pengkaji mengenal pasti lakuan bahasa arahan yang terkandung dalam teks ucapan PM. Lakuan bahasa arahan yang dikenal pasti dalam teks ucapan PM merangkumi aspek lakuan bahasa arahan keperluan, permintaan, pertanyaan, larangan, nasihat dan permisif.

Lakuan Bahasa Arahan Keperluan

LBA Keperluan mengikut klasifikasi Bach dan Harnish (1979) merupakan tindakan yang dilakukan oleh pendengar bukan kerana hasrat dan keinginan penutur semata-mata tetapi disebabkan oleh kepercayaan pendengar terhadap ujaran penutur. Penutur tidak perlu menunjukkan niat atau hasratnya untuk menggerakkan pendengar melakukan seperti yang disuruh tetapi cukup sekadar pendengar percaya terhadap ujaran penutur. Bagi Bach dan Harnish (1979), situasi ini menyerlahkan anggapan penutur bahawa kuasa autoriti terletak pada penutur. Oleh itu, penutur berkuasa terhadap pendengar sama ada dari segi fizikal, psikologi atau kuasa dalam institusi hingga menyebabkan ujarannya dipatuhi oleh pendengar (Zanariah Ibrahim, Maslida Yusof dan Karim Harun, 2017). Pengkaji telah mengenal pasti teks ucapan PM yang mengandungi LBA keperluan adalah seperti yang berikut:

Jadual 1. LBA Keperluan

Teks PKP	LBA Keperluan
Fasa 1	<ul style="list-style-type: none"> • (1) Saya telah mengarahkan Kementerian Perdagangan dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna agar sentiasa memantau situasi bekalan makanan dan keperluan harian di pasaran sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan ini berkuatkuasa. • (2) Situasi semasa wabak ini memerlukan tindakan drastik diambil bagi memulihkan keadaan secepat mungkin. • (3) Untuk itu, Kerajaan memutuskan untuk melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan, mulai 18 Mac 2020, iaitu lusa hingga 31 Mac 2020, di seluruh negara. • (4) Kedua, sekatan menyeluruh semua perjalanan rakyat Malaysia ke luar negara. Bagi yang baru pulang dari luar negara, mereka dikehendaki menjalani pemeriksaan kesihatan dan melakukan kuarantin secara sukarela (atau kuarantin sendiri) selama 14 hari. • (5) Namun, tindakan ini mesti diambil oleh kerajaan untuk membendung penularan wabak Covid-19 yang berkemungkinan meragut nyawa rakyat negara ini.
Fasa 2	<ul style="list-style-type: none"> • (6) Pihak polis dan tenteralah dikerah untuk mengambil tindakan tegas bagi mengawal keadaan. • (9) Sehubungan itu, kerajaan telah memutuskan tempoh Perintah Kawalan Pergerakan akan dilanjutkan sehingga 14 April 2020. • (10) Saya juga telah mengarahkan semua kementerian untuk membuat persiapan yang rapi bagi mengurus keperluan asas anda sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan berkuat kuasa. • (11) Dalam mesyuarat kabinet hari ini, saya telah mengarahkan menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) untuk menggerakkan jentera Pusat Pungutan Zakat Wilayah Persekutuan bagi mengenal pasti golongan asnaf yang layak disalurkan bantuan zakat dengan kadar segera. • (12) Saya telah mengarahkan Kementerian Kesihatan supaya memberikan sedikit masa untuk petugas-petugas kesihatan kita mengambil cuti rehat secara berperingkat

	sebelum mereka kembali bertugas semula.
Fasa 3	<ul style="list-style-type: none"> (15) Sehubungan itu, berdasarkan nasihat daripada Kementerian Kesihatan Malaysia dan pakar-pakar perubatan, kerajaan memutuskan untuk melanjutkan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan untuk tempoh dua minggu lagi, iaitu dari 15 April hingga 28 April 2020. (18) Jadi, saya telah arahkan Ketua Polis Negara, Panglima Angkatan Tentera, Ketua Pengarah Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia, Imigresen, RELA dan lain.
Fasa 4	<ul style="list-style-type: none"> (21) Saya telah mengarahkan Kementerian Kewangan dan Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri untuk merangka Pelan Pemulihan Ekonomi jangka pendek, jangka sederhana dan jangka panjang yang menyeluruh.

LBA Permintaan

Bach dan Harnish (1979) menjelaskan bentuk LBA permintaan merupakan hasrat yang ditunjukkan oleh penutur yang menginginkan pendengar melakukan sesuatu. Hal ini menunjukkan penutur menjadikan niat pengucapan sebagai alasan untuk pendengar melaksanakan seperti yang diujarkan oleh penutur. Subkategori ini boleh dikenal pasti dengan kata kerja seperti bertanya, merayu, memohon, memelawa, petisyen, rayuan, mengaku, mengharap, memperoleh dengan meminta, menyaman, menuntut, merendahkan diri untuk meminta, memberitahu, mendesak dan menggesa. Ujaran LBA permintaan yang digunakan oleh PM adalah seperti di bawah:

Jadual 2. LBA Permintaan

Teks PKP	LBA Permintaan
Fasa 1	<ul style="list-style-type: none"> (22) Saya merayu kepada saudara-saudari agar sentiasa mematuhi Perintah Kawalan Pergerakan ini.
Fasa 2	<ul style="list-style-type: none"> (25) Yang penting saya mohon supaya saudara-saudari sentiasa bersedia untuk duduk lebih lama di rumah. (27) Saya juga berharap pusat-pusat pungutan zakat di setiap negeri turut memainkan peranan secara lebih proaktif untuk membantu para asnaf yang saya percaya sedang menghadapi keadaan hidup yang agak lebih sukar pada masa ini. (28) Saya ingin mengajak saudara-saudari sekalian menadah tangan memanjatkan doa ke hadrat Allah s.w.t. agar diri kita, keluarga kita, negara kita dan seluruh umat manusia dilindungi oleh-Nya.
Fasa 3	<ul style="list-style-type: none"> (30) Kerana itu, marilah kita bersama-sama menjaga kesihatan diri kita, keluarga kita dan orang di sekeliling kita dengan mematuhi perintah kawalan pergerakan. (31) Teruskanlah sikap yang terpuji ini. Teruslah berusaha, berdoa dan bertawakal.

LBA Pertanyaan

LBA pertanyaan berfungsi sebagai satu bentuk pertanyaan yang menggerakkan pendengar melaksanakan hajat yang dihasratkan oleh penutur. Hal ini demikian kerana subkategori ini merupakan kes yang istimewa terhadap sesuatu permintaan. Bagi mengenal pasti ujaran yang boleh dikategorikan dalam kategori pertanyaan, penggunaan kata kerja yang berkaitan adalah seperti bertanya, menyoal, menyoal siasat, membuat pertanyaan, menyelidik dan membuat kuiz. Contoh ujaran adalah jadual 3.

Jadual 3. LBA Pertanyaan

Teks PKP	LBA Pertanyaan
Fasa 1	<ul style="list-style-type: none"> (32) Jika saudara-saudari mempunyai sebarang pertanyaan berhubung Perintah Kawalan Pergerakan, saudara-saudari boleh menghubungi Pusat Pengurusan Operasi Negara di talian hotline 03-88882010 bermula jam 12 tengah hari esok.

LBA Larangan

LBA larangan merupakan satu penghormatan penutur kepada pendengar terhadap sesuatu perkara. Dalam erti kata lain menjadi satu keperluan kepada pendengar agar tidak melakukan sesuatu sebagaimana yang ditegah oleh penutur. Bach dan Harnish (1979) telah mengemukakan kata kerja berkaitan perlakuan, iaitu melarang, mengharamkan, menegah dan meneghadkan. Dalam kajian ini, bentuk LBA larangan telah dikenal pasti dalam teks ucapan PM adalah seperti jadual 4:

Jadual 4. LBA Larangan

Teks PKP	LBA Larangan
Fasa 1	<ul style="list-style-type: none"> (33) Tindakan drastik perlu diambil dalam kadar segera untuk menyekat penularan wabak ini dengan cara meneghadkan pergerakan orang ramai. (34) Pertama, larangan menyeluruh pergerakan dan perhimpunan ramai di seluruh negara termasuk aktiviti keagamaan, sukan, sosial dan budaya.
Fasa 3	<ul style="list-style-type: none"> (35) Elakkan sebarang perhimpunan. Hindari tempat yang sesak. (36) Kita tidak boleh ke bazar Ramadan untuk membeli juadah berbuka puasa, tidak boleh ke masjid untuk berterawih. (37) Kita tak boleh berjabat tangan bila berjumpa untuk mengelakkan jangkitan virus.
Fasa 4	<ul style="list-style-type: none"> (38) Pelajar-pelajar yang masih berada di kampus, yang mana di peringkat awal dahulu mereka tak dibenarkan pulang kerana keadaan masih belum menentu dan kita nak pastikan mereka selamat, insyaAllah boleh pulang ke rumah masing-masing sedikit masa lagi. (39) Saudara-saudari masih tidak boleh bekerja, kecuali bagi mereka yang bekerja dalam sektor yang dibenarkan. Perniagaan juga masih belum boleh dibuka sepenuhnya.

LBA Nasihat

LBA nasihat adalah dikatakan sebagai hal yang pendengar lakukan bukanlah kerana hasrat penutur semata-mata tetapi atas dasar kepercayaan pendengar terhadap nasihat penutur merupakan idea yang baik (Bach & Harnish, 1979). Pendengar percaya nasihat yang diberikan penutur merupakan sikap yang ditunjukkan oleh penutur. Atas kepercayaan itu, pendengar perlu patuhi nasihat penutur. Oleh itu, bentuk LBA nasihat sangat menekankan kepada kekuatan kepercayaan pendengar dan penutur (Zanariah Ibrahim, Maslida Yusof dan Karim Harun, 2017). Untuk memudahkan pengkategorian bentuk LBA nasihat, Bach dan Harnish (1979) telah menggunakan beberapa kata kerja sebagai asas pengklasifikasian seperti menegur, menasihati, berwaspada, memberi amaran, mencadangkan, mengesyorkan dan mengingatkan. Berikut merupakan LBA nasihat yang telah dikenal pasti dalam teks ucapan.

Jadual 5. LBA Nasihat

Teks PKP	LBA Nasihat
Fasa 1	<ul style="list-style-type: none"> (40) Saya berdoa agar saudara-saudari sekalian terus cekal dan tabah dalam menjalankan tugas untuk negara demi memastikan keselamatan dan kesejahteraan rakyat di negara ini sentiasa terpelihara.
Fasa 2	<ul style="list-style-type: none"> (41) Saya hendak mengingatkan, jika perintah ini tidak dipatuhi, maka ianya tidak akan membawa apa-apa kesan positif dan segala tindakan kita akan menjadi sia-sia. (43) Kita tidak boleh berpuas hati dengan langkah-langkah yang kita ambil pada masa ini sehinggalah kita berjaya mencatatkan sifar kes baharu. (44) Anda yang berada di kampung tak perlu bergegas balik ke Kuala Lumpur hujung minggu ini. Duduklah dulu di kampung dan jangan ke mana-mana. Anak-anak yang sepatutnya balik ke asrama, tak perlu balik ke asrama lagi. Tunggu dulu. Pejabat-pejabat yang masih ditutup tak perlu dibuka lagi. (46) Jaga kesihatan anda dan terus cekal berkhidmat untuk negara.
Fasa 3	<ul style="list-style-type: none"> (48) Sentiasa amalkan penjarakan sosial, jaga kebersihan diri dan apabila balik ke rumah jangan lupa mandi dulu.

	<ul style="list-style-type: none"> • (49) Pesan saya, jaga kesihatan, jaga keselamatan, jangan bawa motor laju-laju. • (52) Sekarang dan untuk masa yang akan datang kita mesti biasakan membasuh tangan dengan lebih kerap. Gunakan sabun, hand sanitizer dan sebagainya. Juga memakai face mask.
Fasa 4	<ul style="list-style-type: none"> • (53) Butiran terperinci mengenai pergerakan pulang ini akan diumumkan oleh kerajaan dalam masa terdekat. Jadi, kepada ibu bapa sabar dulu. Beri sedikit masa kepada pihak kementerian yang berkaitan untuk menguruskan perkara ini.

LBA Permisif

Bach dan Harnish (1979) mengatakan bahawa LBA permisif memberi kebebasan kepada pendengar melakukan sesuatu. Kebebasan itu adalah atas kuasa yang ada pada penutur untuk membenarkan pendengar melakukan sesuatu yang penutur benarkan. Bentuk LBA permisif dikenal pasti dalam ujaran penutur menggunakan kata kerja performatif yang membawa maksud niat penutur terhadap perlakuan bersetuju, membenarkan, memberi kebenaran, memberkati, meleraikan, bersurai, digugurkan, disingkirkan, memberi alasan, mengecualikan, memaafkan, mengabulkan, menganugerahkan, mengizinkan, mengakui, melepaskan, kelulusan dan memberi kuasa. Berikut merupakan contoh ujaran bagi kategori ini.

Jadual 6. LBA Permisif

Teks PKP	LBA Permisif
Fasa 2	<ul style="list-style-type: none"> • (55) Ini termasuk menutup tempat-tempat awam yang masih dikunjungi oleh ramai orang dan menahan individu-individu yang ingkar.

Objektif 2. Analisis Lakuan Bahasa Arahan

Pengkaji telah memilih beberapa data untuk dianalisis secara terperinci mengenai LBA yang terdapat dalam teks ucapan PM berkaitan PKP. Hasil dapatan dianalisis mengikut subkategori LBA sebagaimana yang telah dikenal pasti dalam objektif pertama. Analisis ini akan memenuhi objektif kedua yang dikemukakan.

LBA Keperluan

Dapatan menunjukkan bahawa LBA Keperluan merupakan LBA yang paling dominan dalam teks ucapan PM. LBA Keperluan mencatatkan sebanyak 21 kekerapan dalam keempat-empat fasa. Hal ini menunjukkan bahawa LBA Keperluan yang disampaikan oleh PM merupakan ujaran yang sangat penting dan mesti dipatuhi. Dalam menyampaikan ucapan yang memerlukan pematuhan, lakuan yang paling tepat ialah arahan. Oleh yang demikian, jelaslah bahawa penggunaan LBA dalam ucapan PM menepati hajat komunikatif. Data di bawa merupakan data yang mengandungi LBA keperluan dalam teks ucapan PM untuk dianalisis.

(1). Saya telah **mengarahkan** Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna agar sentiasa memantau situasi bekalan makanan dan keperluan harian di pasaran sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan ini berkuatkuasa.

(Fasa 1)

(18). Jadi, saya telah **arahkan** Ketua Polis Negara, Panglima Angkatan Tentera, Ketua Pengarah Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia, Imigresen, RELA dan lain-lain agensi yang berkaitan supaya perketatkan kawalan di sepanjang sempadan negara.

(Fasa3)

(9). Sehubungan itu, kerajaan telah **memutuskan** tempoh Perintah Kawalan Pergerakan akan dilanjutkan sehingga 14 April 2020.

(Fasa 2)

Berdasarkan dapatan di atas, data yang dipersembahkan dikategorikan sebagai LBA keperluan jika melihat kepada kata kerja dan maksud daripada ayat tersebut secara keseluruhannya. Berdasarkan analisis data yang diperolehi, ayat (1) dikategorikan sebagai bentuk LBA keperluan kerana penggunaan kata kerja ‘mengarahkan’ pada data (1) menggambarkan perlakuan menyuruh atau mengarah kepada pendengar. Penggunaan kata kunci ‘mengarahkan’ jelas menunjukkan keutamaan predikat ayat, iaitu perlakuan menyuruh atau mengarah oleh penutur yang ditujukan kepada pendengar sebagai orang kedua dalam struktur ayat tersebut. Ayat (9) pula mempunyai kata kunci ‘memutuskan’ yang menandakan sebagai satu kata kerja menetapkan sebagaimana yang dikategorikan oleh Bach dan Harnish (1979). Penetapan ini adalah berkenaan arahan kerajaan yang melanjutkan tempoh PKP. Dalam ayat (18), jelas menunjukkan kata kunci yang berupa satu suruhan atau arahan, iaitu ‘arahkan’ sebagaimana perincian yang dibuat oleh Bach dan Harnish (1979) kata kerja memerintah, menyuruh, mengarah dijadikan sebagai penanda ilokusi untuk mengkategorikan ujaran arahan sebagai bentuk LBA keperluan. Menurut Zanariah Ibrahim, Maslida Yusof, dan Karim Harun (2017), ayat suruhan kebiasaannya digunakan oleh penutur yang mempunyai status lebih tinggi daripada pendengar. Hal ini disokong oleh Aminudin Saimon dan Zaitul Azma Zainon Hamzah (2019) yang mengatakan bahawa penutur yang mempunyai kedudukan sosial dan status yang lebih tinggi sering kali menggunakan lakuan ‘arahan’ dalam menggerakkan seseorang. Ujaran yang diujarkan oleh PM sangat jelas dan tidak kabur serta mudah difahami. Penggunaan kata yang jelas amat mempengaruhi keberkesanan sesuatu maklumat. Dalam data yang dipersembahkan, PM menggunakan leksikal yang jelas atau berterus terang (eksplisit) dalam menyampaikan maklumat agar mudah difahami oleh rakyat. Leksikal arahan yang digunakan juga bersifat eksplisit tanpa penggunaan kata yang implisit.

LBA Permintaan

LBA permintaan merupakan paradigmik lakuan arahan yang mencatat 17 kekerapan yang digunakan dalam teks ucapan PM. Penggunaan LBA permintaan dalam teks ucapan ini memperlihatkan penutur komunikasi menggunakan LBA permintaan dalam PKP. Bach & Harnish (1979) mengatakan bahawa LBA permintaan digunakan oleh penutur, dimaksudkan untuk meminta sesuatu dengan hormat kepada pendengar. Leksikal yang biasa digunakan dalam lakuan permintaan antaranya, minta, mohon, boleh dan tolong. Perhatikan data di bawah yang menunjukkan penggunaan LBA permintaan dalam teks ucapan PM.

- (25). Yang penting saya **mohon** supaya saudara-saudari sentiasa bersedia untuk duduk lebih lama di rumah. (Fasa 2)
- (28). Saya ingin **mengajak** saudara-saudari sekalian menadah tangan memanjatkan doa ke hadrat Allah s.w.t. agar diri kita, keluarga kita, negara kita dan seluruh umat manusia dilindungi oleh-Nya. (Fasa 2)
- (30). Kerana itu, **marilah** kita bersama-sama menjaga kesihatan diri kita, keluarga kita dan orang di sekeliling kita dengan mematuhi perintah kawalan pergerakan. (Fasa 3)

Data 25, 28 dan 30 menunjukkan niat penutur untuk memperoleh sesuatu dengan membuat rayuan kepada pendengar. Bach dan Harnish (1979) menjelaskan perlakuan penutur meminta sesuatu daripada pendengar dikategorikan sebagai LBA permintaan. Penggunaan konteks rayuan dalam data 25 dan 30 jelas menunjukkan penutur ingin menggerakkan pendengar untuk melakukan permintaan yang telah dinyatakan, iaitu agar pendengar sentiasa mematuhi PKP tersebut. Data 25, 28 dan 30 jelas menunjukkan permintaan dengan kehadiran perkataan ‘mohon’, ‘mengajak’ dan ‘marilah’ sebagai kata kerja yang digunakan oleh PM sebagai penanda ilokusi bagi LBA permintaan. Data 25 menjelaskan bahawa kerajaan akan meneruskan PKP bagi satu tempoh yang lebih lama, maka dengan itu beliau juga memohon supaya rakyat bersedia untuk duduk lebih lama di rumah. Data 28 pula menunjukkan penutur mengajak agar pendengar untuk sama-sama dengannya menadah tangan untuk berdoa. Hal ini menunjukkan terdapat penggunaan kata kerja merendah diri untuk meminta dalam ujaran penutur. Data 30 pula menunjukkan penutur menggesa orang ramai untuk bersama-sama menjaga antara satu sama lain dengan terus mematuhi PKP.

Ketiga-tiga data yang dipersembahkan menunjukkan penggunaan LBA permintaan secara eksplisit dengan diwakili leksikal yang jelas menunjukkan permintaan, iaitu mohon, mengajak dan marilah. Penggunaan leksikal secara eksplisit ini memudahkan pendengar untuk memahami hajat komunikatif penutur dalam mengujarkan sesuatu permintaan. Penggunaan leksikal yang jelas dan tepat akan memudahkan pemahaman dan melancarkan keberkesanan sesuatu lakuan bahasa. Dalam menyampaikan sesuatu amanat yang penting, penggunaan leksikal yang tepat, betul dan jelas akan mempengaruhi keberkesanan sesuatu amanat (Tenas Effendi, 2013). Jelaslah bahawa penutur amat bijak dalam pemilihan kata dan leksikal dalam menyampaikan hajat komunikatifnya yang ingin atau memohon sesuatu daripada pendengar.

LBA Larangan

Dalam konteks kajian ini, LBA larangan mencatat kekerapan yang sederhana, iaitu sebanyak 7 kekerapan. LBA larangan bertujuan untuk mencegah, melarang dan mengehadkan sesuatu tindakan (Bach & Harnish, 1979). Lakuan ini juga berkait dengan status atau kedudukan sosial seseorang dalam mengujarkannya. LBA larangan sering kali digunakan oleh seseorang yang mempunyai kedudukan yang lebih tinggi agar setiap larangan yang diujarkan dapat dipenuhi dan dipatuhi oleh seseorang. LBA larangan mempunyai darjah yang tinggi berbanding lakuan bahasa yang lain. Perhatikan data di bawah yang mengandungi LBA larangan dalam teks ucapan PM.

(33). Tindakan drastik perlu diambil dalam kadar segera **untuk menyekat penularan wabak ini dengan cara mengehadkan pergerakan orang ramai.** (Fasa 1)

(34). Pertama, **larangan menyeluruh pergerakan dan perhimpunan ramai** di seluruh negara termasuk aktiviti keagamaan, sukan, sosial dan budaya. (Fasa 1)

(35). **Elakkan sebarang perhimpunan. Hindari tempat yang sesak.** (Fasa 3)

(36). **Kita tidak boleh ke bazar Ramadan** untuk membeli juadah berbuka puasa, tidak boleh ke masjid untuk berterawih. (Fasa 3)

(38). Pertamanya, pelajar-pelajar yang masih berada di kampus, yang mana di peringkat awal dahulu **mereka tak dibenarkan pulang kerana keadaan masih belum menentu** dan kita nak pastikan mereka selamat, insya Allah boleh pulang ke rumah masing-masing sedikit masa lagi. (Fasa 4)

Penggunaan ujaran arahan laras larangan ini ditandai dengan penggunaan paradigmatic 'mengehadkan' dalam ayat 33 dan paradigmatic 'larangan' dalam data 34 jelas menunjukkan larangan kepada pendengar untuk melakukan seperti yang dinyatakan dalam ayat tersebut. Ayat arahan ini bertujuan untuk memastikan bahawa pendengar tidak ingkar atas arahan dan larangan yang telah diberikan. Oleh itu, arahan yang diberikan lebih berfokus kepada tujuan mengarahkan pendengar untuk patuh terhadap pelaksanaan PKP dengan mengambil kira larangan yang diberikan. Data 33 menunjukkan bahawa penutur mengarahkan pendengar untuk mengelakkan diri daripada berkumpul di tempat orang ramai. Asmah (2014) menyatakan dalam struktur ayat bahasa Melayu, ayat yang mendukung modus larangan terdiri daripada struktur Lar – (subjek) – Predikat – (Objek) yang diisi oleh perkataan jangan, usah, tidak usah atau tak usah. Data 36 jelas menunjukkan satu arahan berupa larangan yang ditandai dengan kata 'tidak boleh' supaya pendengar tidak ke bazar ketika bulan puasa. Ayat 38 menunjukkan bahawa penutur menyuruh pendengar untuk tidak pulang ke rumah kerana keadaan masih belum stabil agar keselamatan para pelajar dapat dijaga supaya kes Covid-19 tidak terus menular. Penekanan pada ayat 'tak dibenarkan pulang' menunjukkan LBA larangan, iaitu PM melarang pelajar untuk melakukan sebarang pergerakan dari satu tempat ke satu tempat bagi membendung penularan Covid-19.

LBA Nasihat

LBA nasihat merupakan lakuan yang mencatat nilai kekerapan yang tinggi, iaitu sebanyak 15 kekerapan. Penggunaan LBA nasihat ini banyak digunakan oleh PM adalah disebabkan oleh faktor pemujukan yang digunakan. Tujuan kaedah pemujukan ini dibuat disebabkan oleh faktor pelaksanaan PKP yang sedikit sebanyak menyekat aktiviti rakyat. Sebagai PM, penggunaan kata-kata nasihat amat penting dalam memujuk emosi rakyat supaya dapat mematuhi segala arahan, larangan. Penggunaan bahasa yang lembut dan santun ini sedikit sebanyak dapat membantu meredakan emosi pendengar berkaitan PKP yang dilaksanakan yang mencetuskan kepanikan (Norih Basir, Ina Suryani Abd. Rahim, & Mohamad Zaki Abdul Halim, 2020). Di sini dapat dilihat bahawa penggunaan aspek nasihat ini dapat memujuk rakyat supaya bersama-sama dan bersatu hati dalam memerangi COVID-19. Bach & Harnish (1979) mendefinisikan LBA nasihat sebagai lakuan yang menuntut pendengar untuk melakukan seperti yang diujarkan oleh penutur, iaitu menerima nasihat yang diberikan. Lakuan ini berfungsi sebagai memberi peringatan, menenangkan, bertindak rasional dan sebagainya (Bach & Harnish, 1979). Perhatikan data di bawah yang menunjukkan penggunaan LBA nasihat dalam teks ucapan PM.

(40). **Saya berdoa agar saudara-saudari sekalian terus cekal dan tabah dalam menjalankan tugas untuk negara demi memastikan keselamatan dan kesejahteraan rakyat di negara ini sentiasa terpelihara.**

(Fasa 1)

(44). Anda yang berada di kampung tak perlu bergegas balik ke Kuala Lumpur hujung minggu ini. **Duduklah dulu di kampung dan jangan ke mana-mana.** Anak-anak yang sepatutnya balik ke asrama, tak perlu balik ke asrama lagi. Tunggu dulu. Pejabat-pejabat yang masih ditutup tak perlu dibuka lagi.

(Fasa 2)

(45). Organisasi-organisasi kebajikan atau '*charity organizations*' **juga boleh memberi sumbangan kepada mereka yang memerlukan.**

(Fasa 2)

(50). Namun begitu, **kita tidak boleh mengambil mudah situasi yang sedang berlaku.**

(Fasa 3)

(53). Butiran terperinci mengenai pergerakan pulang ini akan diumumkan oleh kerajaan dalam masa terdekat. Jadi, **kepada ibu bapa sabar dulu. Beri sedikit masa kepada pihak kementerian yang berkaitan untuk menguruskan perkara ini.**

(Fasa 4)

Berdasarkan dapatan kajian, data (40), iaitu pesanan telah diberikan oleh penutur kepada pendengar melalui paradigmik 'saya berdoa agar saudara-saudari' diekpresikan arahan berbentuk nasihat telah diberikan. Menurut Bach dan Harnish (1979) niat perlakuan penutur mengingatkan sesuatu kepada pendengar dikategorikan sebagai bentuk direktif nasihat. Secara tidak langsung, klausa tersebut menunjukkan nasihat dan pesanan agar pendengar sentiasa cekal dan tabah kerana faktor idea yang baik dijadikan alasan dan menarik minat pendengar untuk bertindak. Data 44 dan 45 pula merupakan perlakuan penutur mengesyorkan pihak tertentu, iaitu pada klausa 'rakyat yang berada di kampung tidak perlu bergegas pulang ke Kuala Lumpur dan sebaliknya'. Begitu juga halnya pada data 45 yang ditandai dengan paradigmik 'organisasi kebajikan dapat membantu rakyat yang memerlukan sumbangan'. Dapat disimpulkan pada data 44 penutur menasihati rakyat dengan mengesyorkan rakyat untuk duduk sahaja di rumah dan pada data 45 pula penutur mengesyorkan pihak berkenaan boleh memberi bantuan kepada golongan yang memerlukan. Seterusnya, data 50 memperlihatkan ujaran nasihat untuk sentiasa berwaspada. Data 50 ini ditandai dengan leksikal menasihati secara eksplisit, iaitu dapat dilihat pada klausa 'kita tidak boleh mengambil mudah situasi yang sedang berlaku'. Melalui data 53 pula, penutur menasihati rakyat khususnya kepada ibu bapa untuk sentiasa bersabar dan memberi masa kepada pihak kementerian untuk melakukan kerja mereka bagi membendung pandemik ini dan menyelamatkan rakyat. Penggunaan leksikal '...ibu bapa sabar dulu' menunjukkan LBA nasihat yang diujarkan oleh penutur kepada pendengar dan supaya pendengar mengikuti nasihat tersebut.

Penggunaan kata kerja performatif dalam LBA nasihat sering kali ditandai oleh kata nafi 'jangan', 'tolong', 'andai', 'tak boleh' dan 'tak usah'. Kata kerja performatif ini diikuti oleh ujaran nasihat yang hendak disampaikan kepada pendengar. Walaupun leksikal yang digunakan mempunyai

persamaan dengan lakuan larangan, namun lakuan nasihat lebih lembut sifatnya dan sering ditandai oleh partikel 'lah' (Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Hj. Musa & Abdul Hamid Mahmood, 2015). Hal ini dapat dilihat pada data 50, iaitu pada klausa 'Duduklah dulu di kampung dan jangan ke mana-mana'.

KESIMPULAN

Rumusannya, untuk bahagian dapatan terdapat kesemua lakuan bahasa arahan dalam teks ucapan YAB Perdana Menteri mengenai PKP, iaitu lakuan bahasa arahan keperluan, permintaan, pertanyaan, larangan, nasihat dan permisif. Hasil dapatan juga mengenal pasti ujaran paling banyak ialah LBA Keperluan, iaitu sebanyak 21 kali, diikuti LBA Nasihat 15 kali, LBA Permintaan (10), LBA Larangan (7) dan bagi LBA Pertanyaan dan Permisif masing-masing hanya sekali. Secara keseluruhannya, sebanyak 55 lakuan bahasa arahan yang terdapat dalam teks ucapan YAB PM berkaitan PKP untuk fasa pertama, kedua, ketiga dan keempat. Secara keseluruhannya, penggunaan LBA dalam teks ucapan PM dilihat sebagai satu bentuk pengucapan yang baik dan berjaya disampaikan dan dipraktikkan oleh rakyat. Penggunaan LBA yang baik dan tepat akan menentukan keberkesanan dan keberjayaan sesuatu wacana dalam menyampaikan maklumat.

RUJUKAN

- Abd. Ganing Laengkang. (2018). Analisis Lakuan Bahasa Terhadap Teks Khutbah Jumaat Negeri Selangor. *Jurnal Hal Ehwal Islam dan Warisan Selangor*, 2(1), 1–18. Dimuat turun pada 27 November 2020 dari http://www.myjournal.my/filebank/published_article/84902/1.pdf
- Abd. Ganing Laengkang, Ab Razak Ab Karim & Riduan Makhtar. (2019). Lakuan Bahasa Kritikan dalam Forum Wacana Sinar Harian. *Jurnal Melayu*, 18(2), 147-163.
- Abd. Ganing Laengkang, Rohaidah Haron, & Ab Razak Ab Karim. (2019). *Lakuan Bahasa Ekspresi Tun Dr. Mahathir: Kajian Kes Terhadap 40 Artikel Chedet.CC*. e-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan 2019. 24 – 25 April 2019 Kolej Universiti Islam Selangor.
- Abdulkarim Fadhil. (2018). A Pragmatic Study of Speech Acts in School Speeches. *Journal of Al-Ustath*. 13 – 24. Dimuat turun pada 25 Disember 2020 dari https://www.researchgate.net/publication/327230905_A_Pragmatic_Study_of_Speech_Acts_in_School_Speeches
- Amir Juhari & Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2015). Penggunaan Lakuan Pertuturan dalam Mesyuarat. *Jurnal Linguistik*, 19(1), 48–57. Dimuat turun pada 27 November 2020 dari <http://psasir.upm.edu.my/id/eprint/35692/>.
- Aminnudin Saimon (2019). *Lakuan Bahasa dalam Filem Melayu Terpilih*. Tesis PhD. Universiti Putra Malaysia. Selangor.
- Aminnudin Saimon & Zaitul Azma Zainon Hamzah. (2019). Penggunaan Kiasan dalam Plot Konflik Filem: Satu Analisis Pragmatik. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature*, 10, 57-74. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol10.5.2019>
- Amir Juhari dan Noor Zila Md Yusuf. (2015). Penggunaan Lakuan Pertuturan dalam Mesyuarat. *Jurnal Linguistik*, 19(1), 48-57.
- Asmah Haji Omar. (2014). *Nahu Melayu Mutakhir*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Austin, J. L. (1962). *How To Do Things With Words*. Oxford: Clarendon Press.
- Bach, K. & Harnish, R. M. (1979). *Linguistics Communication and Speech Acts*. Cambridge & London: The MIT Press.
- Cerny, M. (2007). *On The Function Of Speech Acts In Doctor – Patient Communication*. *Linguistica ONLINE*. Published: August 3rd, 2007. 1 – 15. <http://www.phil.muni.cz/linguistica/art/cerny/cer-001.pdf>
- Dylgjeri, A. (2017). *Analysis Of Speech Acts In Political Speeches*. *European Journal of Social Sciences Studies*. 2 (2), 19-26. <http://dx.doi.org/10.5281/zenodo.344518>

- Hanna, N. & Richards, D. (2019). Speech Act Theory as an Evaluation Tool for Human-Agent Communication. *Algorithms*. 12 (79), 1 – 17. <http://dx.doi.org/10.3390/a12040079>
- Kamarul Azmi Jasmi. (2012). *Metodologi Pengumpulan Data dalam Penyelidikan Kualitatif*. Dimuat turun pada 3 November 20, 8 daripada, https://www.researchgate.net/profile/Kamarul_Azmi_Jasmi/publication/293097563_Metodologi_Pengumpulan_Data_dalam_Penyelidikan_Kualitatif/links/5c0234e0a6fdcc1b8d4d2e10/Metodologi-Pengumpulan-Data-dalam-Penyelidikan-Kualitatif.pdf
- Kamus Dewan Edisi Keempat*. (2015). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kerlinger, F. N. (1986). *Foundation of behavioral research*. 3rd Ed. Orlando: Harcourt Brace Jovanovich College Publisher.
- Lai Che Ching @ Abd. Latif. (2006). *Memetakan Kaedah Analisis Kandungan: Satu Tinjauan Awal*. Dimuat turun pada 24 Oktober 2018 daripada, <http://www.ums.edu.my/fksw/images/files/BIL122006/Memetakan%20Kaedah%20%20Kandungan.pdf>
- Nik Safiah Karim, Farid M. Onn, Hashim Hj. Musa & Abdul Hamid Mahmood. (2015). *Tatabahasa Dewan Edisi Keempat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Noriha Basir, Ina Suryani Abd. Rahim & Mohamad Zaki Abdul Halim. (2020). Analisis Tingkah Laku Sosiologi Masyarakat Berasaskan Teori Interaksionisme melalui Perangkaan Data Kes COVID-19 di Malaysia. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature*. 11, 11-30. <https://doi.org/10.37134/pendeta.vol11.edisikhas.2.2020>
- Nurul Syuhada & Maslida Yusof. (2019). *Lakuan Bahasa dalam Ceramah Agama*. *Akademika*, 89, 41-53 (Isu Khas/Special Issue). <https://doi.org/10.17576/akad-2019-89SI-05>
- Prime Minister's Office of Malaysia. (2020). Teks Perutusan Khas Perdana Menteri, dimuat turun pada 20 Disember 2020, daripada <https://www.pmo.gov.my/2020/04/teks-perutusan-khas-perdana-menteri-23-april-2020/>
- Ramanathan, R., Paramasivam, S., & Hoon, T. B. (2020). Discursive Strategies and Speech Acts in Political Discourse of Najib and Modi. *SHANLAX. International Journal of Education*. 8 (3), 33-44. <https://doi.org/10.34293/education.v8i3.3168>
- Roth, A. R. (1986). *New Composition for Javanese Gamelan*. Durham: University of Durham.
- Searle, J. (1969). *Speech Act: An Essay in the Philosophy of Language*. London: Cambridge University Press.
- Searle, J. R. (1969). *Speech Acts: An Essey in the Philosophy of Language*. New York: Cambridge University Press. dicapai dari <https://www.britannica.com/biography/John-Searle#ref1117058>
- Tenas Effendi. (2013). *Kearifan Pemikir Melayu*. Riau: Tenas Effendi Foundation.
- Zanariah Ibrahim, Maslida Yusof, & Karim Harun. (2017). *Analisis Lakuan Bahasa Direktif Guru Pelatih*. *Jurnal Melayu*, 16(2), 163–178. Dimuat turun pada 27 November 2020 dari <http://ejournal.ukm.my/jmelayu/article/view/21449/6620>